

Agong dan Permaisuri Bercemar Duli ke Majlis Makan Malam Sempena Tahun Baharu Cina LBS 2023

Petaling Jaya, 15 Februari 2023 – Majlis Makan Malam sempena sambutan Tahun Baru Cina LBS Bina Group Berhad ("LBS"), telah diserikan dengan keberangkatan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan DYMM Seri Paduka Baginda, Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj, yang berlangsung gilang gemilang di Mandarin Oriental, Kuala Lumpur.

Rombongan tarian singa dan persembahan gendang tradisi menyambut ketibaan Baginda Tuanku dan Permaisuri. Bertemakan 'Muhibah', majlis turut dilengkapkan dengan kehadiran barisan dif-dif kehormat dan kenamaan termasuk Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Pertanian dan Keselamatan Makanan, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Dalam Negeri, YB Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Chang Lih Kang, Turut hadir di majlis tersebut ialah tokoh-tokoh terkemuka kerajaan, perbankan, industri pembinaan serta persatuan masyarakat Cina dan tetamu luar negara.

Tan Sri Lim Hock San, Pengerusi Eksekutif LBS, berkata "Kesudian Yang Di-Pertuan Agong bercemar duli ke Majlis Makan Malam Tahun Baru Cina LBS Bina di Tahun Arnab ini, merupakan satu peristiwa penting bagi LBS dan merupakan permulaan yang istimewa untuk tahun ini. LBS telah melonjak ke tahap yang luar biasa di Tahun Harimau lepas, memecahkan pelbagai rekod, daripada galeri jualan dengan bilangan rumah pameran contoh terbanyak di Malaysia, dianugerahkan sebagai Syarikat Pengurusan Terbaik Malaysia, hingga memperolehi jualan melebihi sasaran

sebanyak RM 2 bilion. Semua ini tercapai berdasarkan sinergi daripada pasukan LBS, sokongan pihak berkepentingan, dan sudah tentu, kepercayaan pelanggan kami”.

Tema ‘Muhibah’, bagi majlis Makan Malam Tahun Baru Cina LBS Bina 2023 adalah sinonim dengan inisiatif dan pendekatan kerajaan perpaduan pada hari ini. LBS, yang dikenali sebagai Pemaju Perumahan Rakyat, akan terus komited dan memberi sokongan padu di dalam membentuk perpaduan komuniti. Sektor perumahan adalah penting bagi pembangunan ekonomi, sosial dan kemasyarakatan, lebih-lebih lagi, segmen mampu milik yang berkualiti.

Selaras dengan reputasi kami sebagai Pemaju Rakyat, LBS akan terus membina dan menyediakan penyelesaian perumahan berkualiti di samping memenuhi tanggungjawab sosial korporat kami seiring dengan matlamat negara. Akhir sekali, kepada para pemimpin, rakan-rakan, dan keluarga yang hadir di sini hari ini, saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina 2023 semoga semua hadirin mendapat limpahan kemewahan serta kemakmuran jangka panjang” tambah Tan Sri Lim.

-Tamat-